



187. Pihak Berkuasa Melulus Perolehan Perkhidmatan Perunding

187(a) Pihak berkuasa melulus perolehan perkhidmatan perunding adalah seperti berikut:

PBM	Had Nilai Kuasa Melulus
Jawatankuasa Sebutharga Agensi - Bagi Agensi bukan teknik, di peringkat Ibu Pejabat sahaja; dan - Bagi Jabatan Teknik, di peringkat Ibu Pejabat dan Negeri	1. Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM5 juta 2. Kos kajian sehingga RM500 ribu 3. Kos kerja ukur sehingga RM500 ribu
Lembaga Perolehan 'B' Agensi	1. Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM20 juta 2. Kos kajian sehingga RM2 juta 3. Kos kerja ukur sehingga RM2 juta
Lembaga Perolehan 'A' Agensi	1. Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM200 juta 2. Kos kajian sehingga RM5 juta 3. Kos kerja ukur sehingga RM5 juta
Kementerian Kewangan	1. Kos projek pembangunan fizikal melebihi RM200 juta 2. Kos kajian melebihi RM5 juta 3. Kos kerja ukur melebihi RM5 juta



- 187(b) Kuasa meluluskan tambahan kos perkhidmatan perunding hanya diberikan kepada Lembaga Perolehan 'A' Agensi tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (i) tambahan kos perkhidmatan perunding sehingga maksimum 60% yang disebabkan oleh perubahan skop asal atau perubahan kos projek/kajian. Sekiranya tambahan kos melebihi 60%, kelulusan hendaklah diperolehi daripada Kementerian Kewangan.
 - (ii) tambahan kos perkhidmatan perunding tanpa had nilai yang disebabkan Variation Order (VO) dan Extension Of Time (EOT) dalam kontrak dengan pihak kontraktor.